



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

DVS rampas karkas babi RM4.3 juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	6	14 Nov

DVS rampas karkas babi RM4.3 juta

KUALA LUMPUR - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) merampas karkas babi yang diimport dari Brazil dan Rusia serta yang tidak berlabel lebih 190 tan metrik dengan nilai keseluruhan RM4.3 juta.

DVS dalam satu kenyataan yang dikeluarkan memaklumkan, operasi penguatkuasaan dijalankan dalam dua peringkat iaitu pada Mei hingga Jun dan November, telah merampas karkas berkenaan di tujuh lokasi di Selangor dan empat di Johor.

"Keseluruhannya DVS merampas karkas babi 199.605 tan metrik, lima buah kontena, satu unit mesin pengikat tali untuk kotak dan 59 gelung tali pengikat," katanya.

DVS memaklumkan, kesemua karkas babi yang dirampas dilupus setelah mendapat perintah mahkamah mengikut Subseksyen 68 (3) Akta Binatang 1953.

Ujar jabatan itu, sembilan kes disiasat di bawah Subseksyen 5(1) (b) Akta Binatang 1953, berkaitan karkas babi dari Brazil dan Rusia yang tidak disenaraikan sebagai negara yang dibenarkan import.

Jelas DVS, pihaknya sentiasa mengambil perhatian serius berkaitan perkara itu kerana ia memberi kesan dalam kawalan penyakit berpunca daripada ternakan terutama penyakit African Swine Fever yang boleh menjejaskan industri penternakan babi.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap pengimport, penyimpan dan penjualan karkas babi bagi memastikan pengimportan dari negara yang dibenarkan di bawah Subseksyen 5(1)(b), Akta Binatang 1953," menurut kenyataan itu. - *Bernama*

Sarawak bincang UPM tubuh Pusat Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	14	14 Nov

Sarawak bincang UPM tubuh Pusat Veterinar

KUCHING: Sarawak merancang menubuhkan Pusat Perubatan Veterinar dalam usaha bagi membanteras peningkatan kes rabies yang membimbangkan, kata Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom.

Jelasnya, perbincangan kini giat diadakan perbincangan bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) di Sarawak selaras dengan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030.

“Sarawak kini dalam perancangan dan perbincangan ingin mempunyai Pusat Perubatan Veterinar di Universiti Putra Malaysia (UPM) di Sarawak.

“Justeru, saya dan pihak kementerian akan memberi sokongan sepenuhnya kerana ini adalah sesuatu yang kita lakukan selaras dengan PCDS 2030.

Sehingga kini katanya, kes-kes berkaitan wabak rabies masih lagi mencatatkan peningkatan di negeri Sarawak.

Kelab Kucing Malaysia Sedia anjur lebih banyak kursus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	k2	21	14 Nov

Kelab Kucing Malaysia sedia anjur lebih banyak kursus

USAHA diambil oleh Anas Mursyidi Abu Mansor dalam memberi lebih pemahaman kepada orang awam termasuk peminat haiwan itu berhubung penjagaan kucing yang betul mendapat pujian daripada Kelab Kucing Malaysia baru-baru ini.

Presiden kelab itu, Khalid Rashid atau lebih mesra dipanggil Pak Khalid berkata, dalam hal ini, pihaknya berterima kasih kepada pemilik Kaka Cat House itu kerana telah berkongsi pelbagai tip dan ilmu tentang penjagaan haiwan berkenaan.

"Usaha itu sangat bagus kerana dia turut menggalakkan orang ramai untuk membantu menyelamatkan lebih banyak kucing yang terbiar secara tidak langsung.

"Pada masa yang sama, usaha dan inisiatif tersebut juga dapat mengurangkan jumlah kucing terbiar di negara ini.

"Justeru, kami di Kelab Kucing Malaysia sememangnya memerlukan lebih ramai individu seperti ini," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Mengulas mengenai keperluan untuk mewujudkan kelas atau kursus khas bagi membolehkan pemilik kucing terutamanya untuk memahami tingkah laku haiwan kesayangan mereka, kata Khalid, pelbagai usaha sedang digerakkan ke arah itu.

Kata beliau, antaranya ialah jalinan kerjasama yang dimeterai bersama Lembaga Kebajikan Haiwan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar



KHALID memuji usaha individu memberi kefahaman tentang kucing.

(JPV) dan sebagainya.

"Melalui kerjasama ini, kami menyediakan pelbagai khidmat nasihat berkaitan kucing untuk memudahkan pemilik kucing khususnya memahami kucing-kucing mereka.

"Biasanya, khidmat nasihat ini kita akan beri ketika sesi atau program 'cat show' (pertunjukan kucing) diadakan," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya akan memperkemas lagi penyampaian ilmu berkaitan haiwan tersebut dari semasa ke semasa bagi membolehkan lebih ramai peminat kucing memahami dengan mendalam haiwan kesayangan mereka itu.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR